



Cenderamata untuk Tun Hussein

■ **PERDANA** Menteri merangkap Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kiri) ketawa besar dengan bekas presiden parti itu dan bekas Perdana Menteri ketiga Malaysia, Tun Hussein Onn selepas menyampaikan cenderamata berbentuk perisai pewter yang pihak Majlis Tertinggi UMNO di kediamannya di Kuala Lumpur semalam.

Majlis yang dihadiri oleh semua anggota Majlis Tertinggi kecuali Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie dan Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Nahar Shahabuddin itu berlangsung selepas majlis berbuka puasa.

Antara lain perisai pewter istimewa itu merakamkan penghargaan seluruh barisan pimpinan UMNO terhadap keputusan Tun Hussein menolak pencalonan sebagai presiden parti dan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia